

Banjir landa dua kampung

SUNGAI SIPUT (U) – Dalam masa beberapa minit sahaja, dua kampung bersebelahan telah dilanda banjir menyebabkan keseluruhan 21 rumah dinaiki air dalam kejadian yang berlaku di sini, pada malam kelmarin.

Hujan lebat yang turun bermula jam 8 malam telah menyebabkan 17 rumah di Kampung Makmor dan empat rumah lagi di Felda Lasah menerima kesan langsung apabila air banjir naik sehingga melebihi paras satu meter.

Kebanyakan mangsa yang ditemui mengatakan kejadian pada kali ini merupakan kejadian paling buruk pernah melanda kedua-dua kampung buat masa ini.

Selain kerosakan perkakas sertaengkapan rumah, terdapat juga di kalangan penduduk yang terlibat turut mengalami kerugian hasil ternakan dan perusahaan mereka.

Rohana Meor Harun, 47 dan keluarganya merupakan salah sebuah keluarga yang menerima kesan paling buruk akibat banjir yang melanda Kampung Makmor.

Rumah pusaka yang didiami keluarganya sering dinaiki air setiap kali banjir melanda semenjak dua tahun kebelakangan ini.

“Kejadian pada kali ini merupakan kejadian paling teruk pernah saya dan keluarga alami yang mana air banjir naik dengan cepat sehingga melepasi paras kepala orang dewasa.

“Kami tidak sempat menyelamatkan sebarang perkakas rumah serta harta benda, dan ketika keluar daripada rumah untuk menyelamatkan diri, air telah men-



Salah seorang penduduk, Mohd Firdaus Mohd Shaari, 26, menunjukkan reban ayamnya yang rosak akibat banjir.

cecah paras leher orang dewasa,” katanya ketika ditemui, semalam.

Menurutnya, semua perkakas rumah termasuk barangan elektrik dalam rumahnya mengalami kerosakan dan usaha membersihkan sisa banjir akan memakan masa.

Rohana menganggarkan rumah kediamannya sekeluarga telah dilanda banjir sebanyak lima kali sepanjang dua tahun kebelakangan ini.